

Headline	Tabung Haji Melaka taja Tutor untuk SK Chinchin		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,306
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,918



## Tabung Haji Melaka taja *Tutor* untuk SK Chinchin

**JASIN 10 Mei** - Sekolah Kebangsaan (SK) Chinchin di sini dianggap bertuah kerana menjadi satu-satunya sekolah rendah di negeri ini yang menerima tajaan akhbar pendidikan Utusan Malaysia, *Tutor* daripada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi membantu pencapaian murid sekolah itu menghadapi peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini.

Sekolah tersebut mendapat tajaan akhbar *Tutor* UPSR bermula pada 2 Mei lalu sehingga 3 Oktober depan. Selain SK Chinchin, Tabung Haji turut menaja akhbar *Tutor* PT3 (Pentaksiran Tingkatan 3) dan *Tutor* SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) untuk pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sharifah Rodziah, Telok Mas di sini.

Pengarah Tabung Haji Melaka, Musalimah Mustaffa berkata, dua buah sekolah tersebut terpilih untuk mendapat tajaan akhbar pendidikan *Utusan Malaysia* kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan

pihak Tabung Haji.

Katanya, antara kriteria yang dipilih adalah berdasarkan peratusan yang tinggi dari segi keahlian Tabung Haji warga sekolah terbabit.

"Tabung Haji Melaka berharap sumbangan ini dapat meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik kepada para pelajar yang terlibat dan seterusnya menyumbang kepada kejayaan mereka dalam peperiksaan utama kelak," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan tajaan akhbar *Tutor Utusan Malaysia* 2016 kepada Guru Besar SK Chinchin, Omar Ismail di sekolah itu di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pegawai Pemasaran Tabung Haji Melaka, Basiron Baba; Pegawai Pemasaran Tabung Haji cawangan Jasin, Mohd. Faiz Fikray; Eksekutif Cawangan Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (M) Berhad Melaka, Azmi Adnan



dan Eksekutif Jualan Utusan Melayu (M) Berhad Melaka, Abd. Kadir Husin.

Dalam pada itu, Omar berkata, *Tutor* UPSR menyediakan

kan bahan-bahan terkini serta disediakan oleh guru pakar di dalam mata pelajaran yang berkaitan.

Menurut beliau, pihaknya akan mengoptimalkan penggunaan sumbangan *Tutor* berkenaan untuk membantu murid sekolah itu yang bakal menghadapi UPSR pada penghujung tahun ini.

"Terima kasih tidak terhingga kepada Tabung Haji Melaka yang memilih seterusnya menaja *Tutor* UPSR untuk murid sekolah ini. Penggunaan akhbar pendidikan ini akan membantu guru dan murid kami dalam usaha ke arah meningkatkan kecemerlangan prestasi akademik dan pencapaian prestasi UPSR yang lebih baik berbanding tahun lepas," katanya.



**MUSALIMAH MUSTAFFA** (tengah) dan Omar Ismail (tujuh atas dari kiri) bersama pelajar SK Chinchin memegang akhbar *Tutor Utusan Malaysia* dalam majlis penyerahan tajaan akhbar berkenaan oleh Tabung Haji Melaka di Jasin, Melaka, semalam.  
- UTUSAN/SUFFIAN ABU BAKAR